

BAH

Mahathir - Gulung (PAS)

KUALA LUMPUR, 2 Dis (Bernama) -- Kerajaan akan mengkaji penggunaan perkataan Islam pada nama parti-parti politik bagi mengelakkan kekeliruan di kalangan rakyat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Pendana Menteri berkata: +Kerajaan akan menimbangkan secara mendalam penggunaan perkataan Islam, Muslim dan sebagainya pada nama parti-parti politik kerana ia menyebabkan kekeliruan ramai umat Islam di negara ini.+

Penggunaan nama Islam pada parti menyebabkan orang ramai terkeliru kononnya PAS (Parti Islam SeMalaysia) itu Islam dan Islam itu PAS, katanya semasa menggulung perbahasan pada akhir Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Presiden UMNO itu berkata bahawa langkah itu bukannya bertujuan untuk mengalahkan PAS dalam arena politik tetapi bagi mengelakkan umat Islam turut sama terkeliru dengan parti tersebut.

+Kita boleh menang dengan mereka walaupun apa cara yang digunakan sekalipun,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Menteri Dalam Negeri.

Menurutnya, kemenangan PAS di Kelantan pada pilihan raya umum lepas bukan semata-mata kerana menggunakan Islam tetapi dibantu oleh faktor-faktor lain. -- Lagi.

♥02/12/20-54MST

CNS5132

R GB 02-12 00130 BC213

BAH

Mahathir - Gulung (PAS) 2 Kuala Lumpur

+Mereka biasa kalah dulu dan mereka boleh kalah lagi di masa depan,+ katanya.

Perdana Menteri berkata, walaupun beliau diminta memberi penerangan mengenai agama di masjid tetapi beliau tidak mahu berbuat demikian kerana tidak mahu menggunakan masjid untuk tujuan politik.

+Kalau kita tidak hendak orang lain menggunakan masjid untuk tujuan politik, kita juga tidak harus menggunakan masjid untuk politik,+ katanya.

Katanya, ada banyak forum lain yang boleh digunakan oleh UMNO untuk memberi penerangan mengenai agama supaya umat Islam tidak terkeliru oleh hujah-hujah pemimpin PAS.

+PAS menggunakan Islam untuk kepentingan politik hingga ramai rakyat keliru dan ada yang fikir kalau mereka naik kenderaan PAS, walaupun sudah buruk, mereka akan sampai syurga,+ katanya. -- Bernama.

♥02/12/20-55MST

CNS5139